



23 Disember 2016
23 December 2016
P.U. (A) 358

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PERJANJIAN
MULTILATERAL PIHAK BERKUASA BERWIBAWA BAGI
PERTUKARAN LAPORAN MENGIKUT NEGARA) 2016

*INCOME TAX (MULTILATERAL COMPETENT AUTHORITY
AGREEMENT ON THE EXCHANGE OF
COUNTRY-BY-COUNTRY REPORTS)
ORDER 2016*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PERJANJIAN MULTILATERAL PIHAK BERKUASA BERWIBAWA MENGENAI PERTUKARAN LAPORAN MENGIKUT NEGARA) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 132B Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Perjanjian Multilateral Pihak Berkuasa Berwibawa mengenai Pertukaran Laporan mengikut Negara) 2016**.

Pelaporan mengikut Negara

2. Diisytiharkan bahawa perkiraan yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia dengan kerajaan yang telah menandatangani Perjanjian Multilateral Pihak Berkuasa Berwibawa mengenai Pertukaran Laporan mengikut Negara dengan tujuan bagi pertukaran maklumat yang dijangka berkaitan berhubung dengan percukaian dan adalah suai manfaat bahawa perkiraan itu hendaklah dikuatkuasakan.

JADUAL

**PERJANJIAN MULTILATERAL PIHAK BERKUASA BERWIBAWA MENGENAI
PERTUKARAN LAPORAN MENGIKUT NEGARA**

Bahawasanya, wilayah bidang kuasa penandatanganan kepada Perjanjian Multilateral Pihak Berkuasa Berwibawa mengenai Pertukaran Laporan mengikut Negara (“Perjanjian”) ialah Pihak kepada, atau wilayah yang diliputi oleh, Konvensyen mengenai Bantuan Tadbir Bersama dalam Perkara Cukai atau Konvensyen mengenai Bantuan Tadbir Bersama dalam Perkara Cukai sebagaimana yang dipinda melalui Protokol (“Konvensyen”) atau telah menandatangani atau menyatakan niat mereka untuk menandatangani Konvensyen dan mengakui bahawa Konvensyen mestilah dikuatkuasakan dan dilaksanakan berhubung dengan mereka sebelum pertukaran automatik Laporan mengikut Negara (Laporan CbC) berlaku;

Bahawasanya, sesuatu negara yang telah menandatangani atau menyatakan niatnya untuk menandatangani Konvensyen hanya akan menjadi Wilayah Bidang kuasa sebagaimana yang ditakrifkan dalam Seksyen 1 Perjanjian ini setelah negara itu menjadi suatu Pihak kepada Konvensyen;

Bahawasanya, wilayah bidang kuasa berhasrat untuk meningkatkan transparensi cukai antarabangsa dan menambah baik akses pihak berkuasa cukai mereka masing-masing kepada maklumat berkenaan dengan peruntukan global pendapatan, cukai yang dibayar, dan indikasi tertentu bagi lokasi aktiviti ekonomi antara bidang kuasa cukai yang di dalamnya Kumpulan Perusahaan Multinasional (MNE) beroperasi melalui pertukaran automatik Laporan CbC tahunan, dengan tujuan untuk menaksir risiko penentuan harga pindahan peringkat tinggi dan risiko berkaitan penghakisan asas dan peralihan keuntungan yang lain, dan juga untuk analisis ekonomi dan statistik, jika sesuai;

Bahawasanya, undang-undang Wilayah Bidang kuasa masing-masing menghendaki atau dijangka untuk menghendaki Entiti Pelapor Kumpulan MNE untuk memfailkan Laporan CbC secara tahunan;

Bahawasanya, Laporan CbC diniatkan untuk menjadi sebahagian daripada struktur tiga lapisan, bersama-sama dengan fail induk global dan fail tempatan, yang kesemuanya merupakan pendekatan standard kepada dokumentasi penentuan harga pindahan yang akan membekalkan pentadbiran cukai dengan maklumat yang relevan dan boleh dipercayai untuk melaksanakan analisis taksiran risiko penentuan harga pindahan yang berkesan dan teguh;

Bahawasanya, Bab III Konvensyen membenarkan pertukaran maklumat bagi maksud cukai, termasuklah pertukaran maklumat secara automatik, dan membenarkan pihak berkuasa berwibawa Wilayah Bidang kuasa untuk bersetuju tentang skop dan cara pertukaran automatik itu;

Bahawasanya, Perkara 6 Konvensyen memperuntukkan bahawa dua atau lebih Pihak boleh bersama-sama bersetuju untuk bertukar maklumat secara automatik,

meskipun pertukaran maklumat yang sebenar hanya akan berlaku secara dua hala antara Pihak Berkuasa Berwibawa;

Bahawasanya, Wilayah Bidang kuasa akan mempunyai, atau dijangka telah mempunyai, pada masa pertukaran pertama Laporan CbC berlaku, (i) perlindungan yang sesuai untuk memastikan bahawa maklumat yang diterima menurut Perjanjian ini kekal sulit dan digunakan bagi maksud menaksir risiko penentuan harga pindahan peringkat tinggi dan risiko berkaitan penghakisan asas dan peralihan keuntungan yang lain, dan juga untuk analisis ekonomi dan statistik, jika sesuai, mengikut Seksyen 5 Perjanjian ini, (ii) infrastruktur bagi hubungan pertukaran yang berkesan (termasuklah proses yang mantap bagi memastikan pertukaran maklumat tepat pada masanya, tepat, dan sulit, komunikasi yang berkesan dan boleh dipercayai, dan kemampuan untuk menyelesaikan masalah dan persoalan mengenai pertukaran atau permintaan bagi pertukaran dengan segera dan untuk mentadbir peruntukan Seksyen 4 Perjanjian ini) dan (iii) perundangan yang perlu untuk menghendaki Entiti Pelapor memfailkan Laporan CbC;

Bahawasanya Wilayah Bidang kuasa adalah komited untuk berbincang dengan matlamat untuk menyelesaikan hal mengenai hasil ekonomi yang tidak diingini, termasuklah bagi setiap perniagaan, mengikut perenggan 2 Perkara 24 Konvensyen, dan juga perenggan 1 Seksyen 6 Perjanjian ini;

Bahawasanya prosedur perjanjian bersama, sebagai contoh atas dasar konvensyen percukaian dua kali yang dibuat antara wilayah bidang kuasa Pihak Berkuasa Berwibawa, kekal terpakai dalam hal jika Laporan CbC telah ditukar berdasarkan Perjanjian ini;

Bahawasanya, Pihak Berkuasa Berwibawa wilayah bidang kuasa berhasrat untuk membuat Perjanjian ini, tanpa menjejaskan prosedur perundangan kebangsaan (jika ada), dan tertakluk kepada kerahsiaan dan perlindungan lain yang diperuntukkan dalam Konvensyen, termasuklah peruntukan yang mengehendak penggunaan maklumat yang ditukar di bawah Konvensyen;

Maka, dengan itu, Pihak Berkuasa Berwibawa telah bersetuju seperti yang berikut:

SEKSYEN 1

Takrif

1. Bagi maksud Perjanjian ini, istilah yang berikut mempunyai makna yang berikut:
 - a) istilah “Wilayah Bidang kuasa” ertinya suatu negara atau wilayah yang berkenaan dengannya Konvensyen Wilayah Bidang kuasa berkuat kuasa dan dilaksanakan, sama ada melalui ratifikasi, penerimaan atau persetujuan mengikut Perkara 28, atau melalui perluasan wilayah mengikut Perkara 29, dan yang merupakan penandatanganan kepada Perjanjian ini;
 - b) istilah “Pihak Berkuasa Berwibawa” ertinya, bagi setiap Wilayah Bidang kuasa masing-masing, orang dan pihak berkuasa yang disenaraikan dalam Lampiran B Konvensyen;
 - c) istilah “Kumpulan” ertinya suatu kumpulan perusahaan yang berkaitan melalui pemilikan atau kawalan yang dengan itu ia dikehendaki untuk menyediakan penyata kewangan disatukan bagi maksud pelaporan kewangan di bawah prinsip perakaunan yang terpakai atau akan dikehendaki berbuat demikian jika kepentingan ekuiti dalam mana-mana perusahaan itu diniagakan di bursa sekuriti awam;
 - d) istilah “Kumpulan Perusahaan Multinasional (MNE)” ertinya mana-mana Kumpulan yang (i) termasuk dua atau lebih perusahaan yang mastautin cukainya adalah dalam wilayah bidang kuasa yang berlainan, atau termasuk suatu perusahaan yang bermastautin bagi maksud cukai dalam suatu wilayah bidang kuasa dan tertakluk kepada cukai berkenaan dengan perniagaan yang dijalankan melalui suatu establismen tetap dalam wilayah bidang kuasa yang lain, dan (ii) bukanlah suatu Kumpulan MNE yang Dikecualikan;
 - e) istilah “Kumpulan MNE yang Dikecualikan” ertinya suatu Kumpulan yang tidak dikehendaki untuk memfailkan Laporan CbC atas dasar bahawa hasil kumpulan disatukan tahunan Kumpulan semasa tahun fiskal sebaik sebelum tahun fiskal pelaporan, sebagaimana yang ditunjukkan dalam penyata kewangan disatukannya bagi tahun fiskal sebelumnya itu, adalah di bawah nilai ambang

yang ditetapkan dalam undang-undang domestik oleh Wilayah Bidang kuasa dan adalah konsisten dengan Laporan 2015, sebagaimana yang dipinda berikutan daripada kajian semula 2020 yang dinyatakan dalam Laporan 2015 itu;

- f) istilah “Entiti Konstituen” ertinya (i) mana-mana unit perniagaan yang berasingan suatu Kumpulan MNE yang dimasukkan dalam penyata kewangan disatukan bagi maksud pelaporan kewangan, atau akan dimasukkan sedemikian jika kepentingan ekuiti dalam unit perniagaan suatu Kumpulan MNE diniagakan dalam bursa sekuriti awam (ii) mana-mana unit perniagaan yang berasingan yang dikecualikan daripada penyata kewangan disatukan Kumpulan MNE semata-mata atas alasan saiz atau kepentingan dan (iii) mana-mana establismen tetap bagi mana-mana unit perniagaan yang berasingan Kumpulan MNE yang termasuk dalam (i) atau (ii) di atas dengan syarat unit perniagaan itu menyediakan penyata kewangan yang berasingan bagi establismen tetap itu bagi maksud pelaporan kewangan, pengawalseliaan, pelaporan cukai, atau kawalan pengurusan dalaman;
- g) istilah “Entiti Pelapor” ertinya Entiti Konstituen yang, menurut kuasa undang-undang domestik dalam wilayah bidang kuasa mastautin cukainya, memfailkan Laporan CbC atas kapasitinya untuk berbuat demikian bagi pihak Kumpulan MNE;
- h) istilah “Laporan CbC” ertinya laporan mengikut negara yang perlu difailkan secara tahunan oleh Entiti Pelapor mengikut undang-undang wilayah bidang kuasa mastautin cukainya dan berserta dengan maklumat yang dikehendaki untuk dilaporkan di bawah undang-undang itu yang meliputi butiran dan mencerminkan format yang ditetapkan dalam Laporan 2015, sebagaimana yang dipinda berikutan daripada kajian semula 2020 yang dinyatakan dalam Laporan 2015 itu;
- i) istilah “Laporan 2015” ertinya laporan disatukan, yang bertajuk “Dokumentasi Penentuan Harga Pindahan dan Pelaporan mengikut Negara, mengenai Tindakan 13 OECD/G20 Pelan Tindakan mengenai Penghakisan Asas dan Peralihan Keuntungan”;

- j) istilah “Badan Penyelaras” ertinya badan penyelaras Konvensyen yang, menurut perenggan 3 Perkara 24 Konvensyen, terdiri daripada wakil pihak berkuasa Berwibawa bagi Pihak kepada Konvensyen;
- k) istilah “Sekretariat Badan Penyelaras” ertinya Sekretariat OECD yang memberikan sokongan kepada Badan Penyelaras;
- l) istilah “Perjanjian yang berkuat kuasa” ertinya, berkenaan dengan mana-mana dua Pihak Berkuasa Berwibawa, kedua-dua Pihak Berkuasa Berwibawa itu telah menyatakan hasrat mereka untuk bertukar maklumat secara automatik antara satu sama lain dan telah memenuhi syarat lain yang dinyatakan dalam perenggan 2 Seksyen 8. Suatu senarai Pihak Berkuasa Berwibawa yang antara mereka Perjanjian ini berkuat kuasa akan disiarkan dalam Laman Sesawang OECD.

2. Berkenaan dengan pemakaian Perjanjian ini pada bila-bila masa oleh Pihak Berkuasa Berwibawa suatu Wilayah Bidang kuasa, apa-apa istilah yang tidak ditakrifkan dalam Perjanjian ini akan, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain atau Pihak Berkuasa Berwibawa itu bersetuju dengan suatu erti biasa (sebagaimana yang dibenarkan oleh undang-undang domestik), mempunyai erti yang diberikan kepadanya pada masa itu di bawah undang-undang Wilayah Bidang kuasa yang memakai Perjanjian ini, apa-apa erti di bawah undang-undang cukai Wilayah Bidang kuasa itu yang terpakai mengatasi erti yang diberikan kepada istilah itu di bawah undang-undang lain Wilayah Bidang kuasa itu.

SEKSYEN 2

Pertukaran Maklumat berkenaan dengan Kumpulan MNE

1. Menurut peruntukan Perkara 6, 21 dan 22 Konvensyen, tiap-tiap Pihak Berkuasa Berwibawa akan membuat pertukaran secara automatik setiap tahun Laporan CbC yang diterima daripada setiap Entiti Pelapor yang bermastautin bagi maksud cukai dalam bidang kuasanya dengan semua Pihak Berkuasa Berwibawa Wilayah Bidang kuasa yang lain yang berkenaan dengannya Perjanjian ini berkuat kuasa, dan yang di dalamnya, berdasarkan maklumat dalam Laporan CbC, satu atau lebih Entiti Konstituen Kumpulan MNE Entiti Pelapor adalah sama ada pemastautin bagi maksud cukai, atau adalah

tertakluk kepada cukai berkenaan dengan perniagaan yang dijalankan melalui suatu establismen tetap.

2. Walau apa pun perenggan yang terdahulu, Pihak Berkuasa Berwibawa Wilayah Bidang kuasa yang telah menyatakan bahawa mereka akan disenaraikan sebagai wilayah bidang kuasa tidak bersaling berdasarkan pemberitahuan mereka menurut perenggan 1 b) Seksyen 8 akan menghantar Laporan CbC menurut perenggan 1, tetapi tidak akan menerima Laporan CbC di bawah Perjanjian ini. Pihak Berkuasa Berwibawa Wilayah Bidang kuasa yang tidak disenaraikan sebagai Wilayah Bidang kuasa tidak bersaling akan menghantar dan menerima maklumat yang dinyatakan dalam perenggan 1. Pihak Berkuasa Berwibawa walau bagaimanapun, tidak akan menghantar maklumat itu kepada Pihak Berkuasa Berwibawa Wilayah Bidang kuasa yang termasuk dalam senarai bidang kuasa yang tidak bersaling yang disebut sebelum ini.

SEKSYEN 3

Masa dan Kaedah Pertukaran Maklumat

1. Bagi maksud pertukaran maklumat dalam Seksyen 2, mata wang bagi amaun yang terkandung dalam Laporan CbC akan ditentukan.

2. Berkenaan dengan perenggan 1 Seksyen 2, Laporan CbC hendaklah terlebih dahulu ditukar, berkenaan dengan tahun fiskal Kumpulan MNE bermula pada atau selepas tarikh yang dinyatakan oleh Pihak Berkuasa Berwibawa dalam pemberitahuan menurut perenggan 1a) Seksyen 8, dengan seberapa segera dan tidak lewat daripada 18 bulan selepas hari terakhir tahun fiskal itu. Walau apa pun yang disebut di atas, suatu Laporan CbC hanya dikehendaki untuk ditukar, jika kedua-dua Pihak Berkuasa Berwibawa telah menguatkuasakan Perjanjian ini dan Wilayah Bidang kuasa mereka masing-masing telah menguatkuasakan undang-undang yang menghendaki pemfailan Laporan CbC berkenaan dengan tahun fiskal yang berhubungan dengan Laporan CbC itu dan ia adalah konsisten dengan skop pertukaran yang diperuntukkan dalam Seksyen 2.

3. Tertakluk kepada perenggan 2, Laporan CbC hendaklah ditukar dengan seberapa segera dan tidak lewat daripada 15 bulan selepas hari terakhir tahun fiskal Kumpulan MNE itu yang berhubungan dengan Laporan CbC itu.
4. Pihak Berkuasa Berwibawa akan membuat pertukaran Laporan CbC secara automatik melalui skema bersama dalam Bahasa Penanda Boleh Perluas.
5. Pihak Berkuasa Berwibawa akan berusaha ke arah dan bersetuju dengan satu atau lebih kaedah bagi penghantaran data secara elektronik, termasuklah piawaian penyulitan, dengan tujuan untuk memaksimumkan penyeragaman dan meminimumkan kerumitan dan kos dan akan memberitahu Sekretariat Badan Penyelaras mengenai kaedah penghantaran dan penyulitan yang diseragamkan itu.

SEKSYEN 4

Kerjasama mengenai Pematuhan dan Penguatkuasaan

Pihak Berkuasa Berwibawa akan memberitahu Pihak Berkuasa Berwibawa yang lain apabila Pihak Berkuasa Berwibawa yang pertama disebut mempunyai alasan untuk mempercayai, berkenaan dengan Entiti Pelapor yang merupakan pemastautin bagi maksud cukai di dalam wilayah bidang kuasa Pihak Berkuasa Berwibawa yang satu lagi, bahawa suatu kesilapan mungkin telah membawa kepada pelaporan maklumat yang salah atau tidak lengkap atau terdapat ketidakpatuhan oleh suatu Entiti Pelapor berkenaan dengan kewajipannya untuk memfailkan Laporan CbC. Pihak Berkuasa Berwibawa yang telah diberitahu itu akan mengambil langkah-langkah yang sesuai yang terdapat dalam undang-undang domestiknya untuk menangani kesilapan atau ketidakpatuhan yang diperihalkan dalam notis itu.

SEKSYEN 5**Kerahsiaan, Perlindungan dan Penggunaan Wajar Data**

1. Semua maklumat yang ditukar adalah tertakluk kepada peraturan kerahsiaan dan perlindungan lain yang diperuntukkan dalam Konvensyen, termasuklah peruntukan yang mengehendkan penggunaan maklumat yang ditukar.

2. Sebagai tambahan kepada sekatan dalam perenggan 1, penggunaan maklumat itu akan selanjutnya dihadkan kepada penggunaan yang dibenarkan yang diperihalkan dalam perenggan ini. Khususnya, maklumat yang diterima melalui Laporan CbC akan digunakan untuk menaksir penentuan harga pindahan peringkat tinggi, risiko berkaitan penghakisan asas dan peralihan keuntungan, dan, jika sesuai, untuk analisis ekonomi dan statistik. Maklumat itu tidak akan digunakan sebagai pengganti bagi analisis penentuan harga pindahan terperinci bagi setiap transaksi dan harga berdasarkan kepada analisis fungsian penuh dan analisis kebolehbandingan penuh. Diperakui bahawa maklumat dalam Laporan CbC secara sendirinya tidak membentuk bukti konklusif bahawa harga pindahan adalah wajar atau tidak wajar dan, dengan itu, pelarasan penentuan harga pindahan tidak akan berdasarkan Laporan CbC. Pelarasan yang tidak wajar yang melanggar perenggan ini yang dibuat oleh pentadbir cukai tempatan akan ditimbangkan dalam mana-mana prosiding pihak berkuasa Berwibawa. Walau apa pun yang di atas, tiada larangan untuk menggunakan data Laporan CbC sebagai asas bagi membuat siasatan lanjut tentang perkiraan penentuan harga pindahan Kumpulan MNE atau tentang perkara cukai lain dalam perjalanan audit cukai dan, sebagai hasilnya, pelarasan yang wajar kepada pendapatan bercukai suatu Entiti Konstituen boleh dibuat.

3. Setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang yang terpakai, suatu Pihak Berkuasa Berwibawa akan memberitahu Sekretariat Badan Penyelaras dengan segera apa-apa kes ketidakpatuhan terhadap perenggan 1 dan 2 Seksyen ini, termasuklah apa-apa tindakan remedi, dan juga apa-apa langkah yang diambil berkenaan dengan ketidakpatuhan terhadap perenggan yang disebut di atas. Sekretariat Badan Penyelaras akan memberitahu semua Pihak Berkuasa Berwibawa yang berkenaan

dengannya Perjanjian ini berkuat kuasa dengan Pihak Berkuasa Berwibawa yang pertama disebut.

SEKSYEN 6

Rundingan

1. Jika pelarasan pendapatan bercukai suatu Entiti Konstituen, hasil daripada siasatan lanjut berdasarkan data dalam Laporan CbC, membawa kepada hasil ekonomi yang tidak diinginkan, termasuklah sekiranya keadaan sedemikian timbul bagi suatu perniagaan tertentu, Pihak Berkuasa Berwibawa Wilayah Bidang kuasa yang di dalamnya Entiti Konstituen yang terjejas ialah pemastautin hendaklah berunding sesama sendiri dan berbincang dengan tujuan untuk menyelesaikan hal itu.

2. Jika apa-apa masalah dalam pelaksanaan atau pentafsiran Perjanjian ini timbul, Pihak Berkuasa Berwibawa boleh membuat permintaan untuk berunding dengan satu atau lebih Pihak Berkuasa Berwibawa untuk membangunkan langkah-langkah yang wajar untuk memastikan bahawa Perjanjian ini dipatuhi. Khususnya, Pihak Berkuasa Berwibawa hendaklah berunding dengan Pihak Berkuasa Berwibawa yang satu lagi, sebelum Pihak Berkuasa Berwibawa yang pertama disebut menentukan bahawa terdapat kegagalan sistemik untuk membuat pertukaran Laporan CbC dengan Pihak Berkuasa Berwibawa yang satu lagi. Jika Pihak Berkuasa Berwibawa yang pertama disebut membuat penentuan sedemikian ia hendaklah memberitahu Sekretariat Badan Penyelaras yang, selepas memberitahu Pihak Berkuasa Berwibawa yang satu lagi yang berkenaan, akan memberitahu semua Pihak Berkuasa Berwibawa. Setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang yang terpakai, mana-mana Pihak Berkuasa Berwibawa boleh, dan jika ia berhasrat sedemikian melalui Sekretariat Badan Penyelaras, melibatkan Pihak Berkuasa Berwibawa lain yang menguatkuasakan Perjanjian ini, dengan tujuan untuk mencari penyelesaian yang boleh diterima bagi isu itu.

3. Pihak Berkuasa Berwibawa yang membuat permintaan untuk berunding menurut perenggan 2 hendaklah memastikan, mengikut sewajarnya, bahawa Sekretariat Badan Penyelaras diberitahu tentang apa-apa kesimpulan yang dicapai dan

langkah yang dibangunkan, termasuklah ketiadaan kesimpulan dan langkah itu, dan Sekretariat Badan Penyelaras akan memberitahu semua Pihak Berkuasa Berwibawa, termasuklah yang tidak mengambil bahagian dalam rundingan itu, tentang apa-apa kesimpulan dan langkah itu. Maklumat berkaitan pembayar cukai yang tertentu, termasuklah maklumat yang akan mendedahkan identiti pembayar cukai yang terlibat, tidak boleh diberikan.

SEKSYEN 7

Pindaan

Perjanjian ini boleh dipinda dengan persetujuan secara perjanjian bertulis oleh semua Pihak Berkuasa Berwibawa yang menguatkuasakan Perjanjian ini. Melainkan jika dipersetujui selainnya, pindaan itu berkuat kuasa pada hari pertama bulan selepas habis tempoh satu bulan selepas tarikh tandatangan terakhir perjanjian bertulis itu.

SEKSYEN 8

Terma Perjanjian

1. Pihak Berkuasa Berwibawa mesti memberikan, pada masa Perjanjian ini ditandatangani atau dengan seberapa segera selepas itu, suatu pemberitahuan kepada Sekretariat Badan Penyelaras:

- a) bahawa Wilayah Bidang kuasanya telah menguatkuasakan undang-undang yang perlu untuk menghendaki Entiti Pelapor memfailkan Laporan CbC dan Wilayah Bidang kuasanya akan menghendaki pemfailan Laporan CbC berkenaan dengan tahun fiskal Entiti Pelapor bermula pada atau selepas tarikh yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu;
- b) yang menyatakan sama ada Wilayah Bidang kuasa itu hendak dimasukkan dalam senarai Wilayah Bidang kuasa tidak bersaling;
- c) yang menyatakan satu atau lebih kaedah bagi pemindahan data elektronik termasuklah penyulitan;
- d) bahawa ia telah mempunyai rangka kerja dan infrastruktur undang-undang yang perlu untuk memastikan kerahsiaan dan piawai perlindungan data

yang dikehendaki mengikut Perkara 22 Konvensyen dan perenggan 1 dan Seksyen 5 Perjanjian ini, dan juga penggunaan wajar maklumat dalam Laporan CbC sebagaimana yang diperihalkan dalam perenggan 2 Seksyen 5 Perjanjian ini, dan melampirkan soal selidik kerahsiaan dan perlindungan data yang lengkap yang dilampirkan sebagai Lampiran kepada Perjanjian ini; dan

- e) yang memasukkan (i) suatu senarai Wilayah Bidang kuasa Pihak Berkuasa Berwibawa yang berkenaan dengannya ia berhasrat untuk menguatkuasakan Perjanjian ini, mengikut prosedur perundangan kebangsaan bagi permulaan kuat kuasa (jika ada) atau (ii) suatu perisytiharan oleh Pihak Berkuasa Berwibawa bahawa ia berhasrat untuk menguatkuasakan Perjanjian ini dengan semua Pihak Berkuasa Berwibawa yang lain yang telah memberikan suatu pemberitahuan di bawah perenggan 1(e) Seksyen 8.

Pihak Berkuasa Berwibawa mesti memberitahu Sekretariat Badan Penyelaras, dengan kadar segera, tentang apa-apa perubahan berikutnya yang hendak dibuat kepada mana-mana kandungan pemberitahuan yang disebut di atas.

2. Perjanjian ini akan berkuat kuasa antara dua Pihak Berkuasa Berwibawa pada tarikh yang lebih kemudian antara tarikh-tarikh yang berikut: (i) tarikh Pihak Berkuasa Berwibawa yang kedua telah memberikan pemberitahuan kepada Sekretariat Badan Penyelaras di bawah perenggan 1 yang memasukkan Wilayah Bidang kuasa Pihak Berkuasa Berwibawa yang satu lagi menurut subperenggan 1e) dan (ii) tarikh Konvensyen telah mula berkuat kuasa bagi kedua-dua Wilayah Bidang kuasa.

3. Sekretariat Badan Penyelaras akan menyenggarakan suatu senarai yang akan disiarkan dalam laman sesawang OECD tentang Pihak Berkuasa Berwibawa yang telah menandatangani Perjanjian dan Pihak Berkuasa Berwibawa yang Perjanjian ini berkuat kuasa. Sebagai tambahan, Sekretariat Badan Penyelaras akan menyiarkan maklumat yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Berwibawa menurut subperenggan 1(a) dan (b) dalam laman sesawang OECD.

4. Maklumat yang diberikan menurut subperenggan 1(c) hingga (e) akan dijadikan tersedia kepada penandatanganan yang lain atas permintaan bertulis kepada Sekretariat Badan Penyelaras.

5. Pihak Berkuasa Berwibawa boleh menggantung sementara pertukaran maklumat di bawah Perjanjian ini dengan memberikan notis secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Berwibawa yang lain bahawa ia telah menentukan bahawa terdapat atau telah terdapat ketidakpatuhan yang ketara oleh Pihak Berkuasa Berwibawa yang kedua disebut terhadap Perjanjian ini. Sebelum membuat penentuan itu, Pihak Berkuasa Berwibawa yang pertama disebut hendaklah berunding dengan Pihak Berkuasa Berwibawa yang satu lagi. Bagi maksud perenggan ini, ketidakpatuhan yang ketara ertinya ketidakpatuhan terhadap perenggan 1 dan 2 Seksyen 5 dan perenggan 1 Seksyen 6 Perjanjian ini dan/atau peruntukan yang sama dalam Konvensyen, dan juga kegagalan oleh Pihak Berkuasa Berwibawa untuk memberikan maklumat tepat pada masanya atau yang mencukupi sebagaimana yang dikehendaki di bawah Perjanjian ini. Suatu penggantungan akan berkuat kuasa dengan serta-merta dan akan berterusan sehingga Pihak Berkuasa Berwibawa yang kedua disebut membuktikan dengan cara yang boleh diterima oleh kedua-dua Pihak Berkuasa Berwibawa bahawa tidak terdapat ketidakpatuhan yang ketara atau bahawa Pihak Berkuasa Berwibawa yang kedua disebut telah mengambil langkah yang relevan yang menangani ketidakpatuhan yang ketara itu. Setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang yang terpakai, mana-mana Pihak Berkuasa Berwibawa boleh, dan jika ia berhasrat sedemikian melalui Sekretariat Badan Penyelaras, melibatkan Pihak Berkuasa Berwibawa yang lain yang menguatkuasakan Perjanjian ini dengan tujuan untuk mencari penyelesaian yang boleh diterima bagi isu itu.

6. Pihak Berkuasa Berwibawa boleh menamatkan penyertaannya dalam Perjanjian ini, atau berkenaan dengan Pihak Berkuasa Berwibawa tertentu, dengan memberikan notis penamatan secara bertulis kepada Sekretariat Badan Penyelaras. Penamatan itu akan berkuat kuasa pada hari pertama bulan selepas habis tempoh 12 bulan selepas tarikh notis penamatan itu. Sekiranya berlaku penamatan, semua maklumat yang diterima sebelum itu di bawah Perjanjian ini akan kekal sulit dan tertakluk kepada terma-terma Konvensyen.

SEKSYEN 9

Sekretariat Badan Penyelaras

Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam Perjanjian ini, Sekretariat Badan Penyelaras akan memberitahu semua Pihak Berkuasa Berwibawa tentang apa-apa pemberitahuan yang diterimanya di bawah Perjanjian ini dan akan memberikan notis kepada semua penandatangan kepada Perjanjian ini apabila suatu Pihak Berkuasa Berwibawa yang baharu menandatangani Perjanjian ini.

Dibuat dalam bahasa Inggeris dan bahasa Perancis, kedua-dua teks adalah sama-sama sah.

LAMPIRAN B:

SENARAI PIHAK BERKUASA BERWIBAWA

[untuk dilengkapkan]

LAMPIRAN C:

SOAL SELIDIK

[untuk dilengkapkan]

Dibuat 18 Disember 2016

[LHDN.01/10.5-1/68.3-45; Perb.0.6869/47(SJ.16)(SK1); PN(PU2)80/LXXXV]

DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 132B(2) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (MULTILATERAL COMPETENT AUTHORITY AGREEMENT ON THE EXCHANGE OF COUNTRY-BY-COUNTRY REPORTS) ORDER 2016

IN exercise of the powers conferred by section 132B of the Income Tax Act 1967 [*Act 53*], the Minister makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Income Tax (Multilateral Competent Authority Agreement on the Exchange of Country-by-Country Reports) Order 2016**.

Country-by-country reporting

2. It is declared that the arrangements specified in the Schedule have been made by the Government of Malaysia and the government which has signed the Multilateral Competent Authority Agreement on the Exchange of Country-by-Country Reports with a view of exchanging information that is foreseeably relevant in relation to taxation and that it is expedient that those arrangements shall have effect.

SCHEDULE

MULTILATERAL COMPETENT AUTHORITY AGREEMENT ON THE EXCHANGE OF COUNTRY-BY-COUNTRY REPORTS

Whereas, the jurisdictions of the signatories to the Multilateral Competent Authority Agreement on the Exchange of Country-by-Country Reports (the “Agreement”) are Parties of, or territories covered by, the Convention on Mutual Administrative Assistance in Tax Matters or the Convention on Mutual Administrative Assistance in Tax Matters as amended by the Protocol (the “Convention”) or have signed or expressed their intention to sign the Convention and acknowledge that the Convention must be in force and in effect in relation to them before the automatic exchange of Country-by-Country (CbC) Reports takes place;

Whereas, a country that has signed or expressed its intention to sign the Convention will only become a Jurisdiction as defined in Section 1 of this Agreement once it has become a Party to the Convention;

Whereas, the jurisdictions desire to increase international tax transparency and improve access of their respective tax authorities to information regarding the global allocation of the income, the taxes paid, and certain indicators of the location of economic activity among tax jurisdictions in which Multinational Enterprise (MNE) Groups operate through the automatic exchange of annual CbC Reports, with a view to assessing high-level transfer pricing risks and other base erosion and profit shifting related risks, as well as for economic and statistical analysis, where appropriate;

Whereas, the laws of the respective Jurisdictions require or are expected to require the Reporting Entity of an MNE Group to annually file a CbC Report;

Whereas, the CbC Report is intended to be part of a three-tiered structure, along with a global master file and a local file, which together represent a standardised approach to transfer pricing documentation which will provide tax administrations with relevant and reliable information to perform an efficient and robust transfer pricing risk assessment analysis;

Whereas, Chapter III of the Convention authorises the exchange of information for tax purposes, including the exchange of information on an automatic basis, and allows the competent authorities of the Jurisdictions to agree on the scope and modalities of such automatic exchanges;

Whereas, Article 6 of the Convention provides that two or more Parties can mutually agree to exchange information automatically, albeit that the actual exchange of the information will take place on a bilateral basis between the Competent Authorities;

Whereas, the Jurisdictions will have, or are expected to have in place by the time the first exchange of CbC Reports takes place, (i) appropriate safeguards to ensure that

the information received pursuant to this Agreement remains confidential and is used for the purposes of assessing high-level transfer pricing risks and other base erosion and profit shifting related risks, as well as for economic and statistical analysis, where appropriate, in accordance with Section 5 of this Agreement, (ii) the infrastructure for an effective exchange relationship (including established processes for ensuring timely, accurate, and confidential information exchanges, effective and reliable communications, and capabilities to promptly resolve questions and concerns about exchanges or requests for exchanges and to administer the provisions of Section 4 of this Agreement) and (iii) the necessary legislation to require Reporting Entities to file the CbC Report;

Whereas the Jurisdictions are committed to discuss with the aim of resolving cases of undesirable economic outcomes, including for individual businesses, in accordance with paragraph 2 of Article 24 of the Convention, as well as paragraph 1 of Section 6 of this Agreement;

Whereas mutual agreement procedures, for instance on the basis of a double tax convention concluded between the jurisdictions of the Competent Authorities, remain applicable in cases where the CbC Report has been exchanged on the basis of this Agreement;

Whereas, the Competent Authorities of the jurisdictions intend to conclude this Agreement, without prejudice to national legislative procedures (if any), and subject to the confidentiality and other protections provided for in the Convention, including the provisions limiting the use of the information exchanged thereunder;

Now, therefore, the Competent Authorities have agreed as follows:

SECTION 1

Definitions

1. For the purposes of this Agreement, the following terms have the following meanings:

- a) the term “Jurisdiction” means a country or a territory in respect of which the Convention is in force and is in effect, either through ratification, acceptance or approval in accordance with Article 28, or through territorial extension in accordance with Article 29, and which is a signatory to this Agreement;
- b) the term “Competent Authority” means, for each respective Jurisdiction, the persons and authorities listed in Annex B of the Convention;
- c) the term “Group” means a collection of enterprises related through ownership or control such that it is either required to prepare consolidated financial statements for financial reporting purposes under applicable accounting principles or would be so required if equity interests in any of the enterprises were traded on a public securities exchange;
- d) the term “Multinational Enterprise (MNE) Group” means any Group that (i) includes two or more enterprises the tax residence for which is in different jurisdictions, or includes an enterprise that is resident for tax purposes in one jurisdiction and is subject to tax with respect to the business carried out through a permanent establishment in another jurisdiction, and (ii) is not an Excluded MNE Group;
- e) the term “Excluded MNE Group” means a Group that is not required to file a CbC Report on the basis that the annual consolidated group revenue of the Group during the fiscal year immediately preceding the reporting fiscal year, as reflected in its consolidated financial statements for such preceding fiscal year, is below the threshold defined in domestic law by the Jurisdiction and being consistent with the 2015 Report, as may be amended following the 2020 review contemplated therein;
- f) the term “Constituent Entity” means (i) any separate business unit of an MNE Group that is included in the consolidated financial statements for financial reporting purposes, or would be so included if equity interests in such

business unit of an MNE Group were traded on a public securities exchange (ii) any separate business unit that is excluded from the MNE Group's consolidated financial statements solely on size or materiality grounds and (iii) any permanent establishment of any separate business unit of the MNE Group included in (i) or (ii) above provided the business unit prepares a separate financial statement for such permanent establishment for financial reporting, regulatory, tax reporting or internal management control purposes;

- g) the term "Reporting Entity" means the Constituent Entity that, by virtue of domestic law in its jurisdiction of tax residence, files the CbC Report in its capacity to do so on behalf of the MNE Group;
- h) the term "CbC Report" means the country-by-country report to be filed annually by the Reporting Entity in accordance with the laws of its jurisdiction of tax residence and with the information required to be reported under such laws covering the items and reflecting the format set out in the 2015 Report, as may be amended following the 2020 review contemplated therein;
- i) the term "2015 Report" means the consolidated report, entitled "Transfer Pricing Documentation and Country-by-Country Reporting, on Action 13 of the OECD/G20 Action Plan on Base Erosion and Profit Shifting";
- j) the term "Co-ordinating Body" means the co-ordinating body of the Convention that, pursuant to paragraph 3 of Article 24 of the Convention, is composed of representatives of the competent authorities of the Parties to the Convention;
- k) the term "Co-ordinating Body Secretariat" means the OECD Secretariat that provides support to the Co-ordinating Body;
- l) the term "Agreement in effect" means, in respect of any two Competent Authorities, that both Competent Authorities have indicated their intention to automatically exchange information with each other and have satisfied the other conditions set out in paragraph 2 of Section 8. A list of Competent Authorities between which this Agreement is in effect is to be published on the OECD Website.

2. As regards to the application of this Agreement at any time by a Competent Authority of a Jurisdiction, any term not otherwise defined in this Agreement will, unless the context otherwise requires or the Competent Authorities agree to a common meaning (as permitted by domestic law), have the meaning that it has at that time under the law of the Jurisdiction applying this Agreement, any meaning under the applicable tax laws of that Jurisdiction prevailing over a meaning given to the term under other laws of that Jurisdiction.

SECTION 2

Exchange of Information with Respect to MNE Groups

1. Pursuant to the provisions of Articles 6, 21 and 22 of the Convention, each Competent Authority will annually exchange on an automatic basis the CbC Report received from each Reporting Entity that is resident for tax purposes in its jurisdiction with all such other Competent Authorities of Jurisdictions with respect to which it has this Agreement in effect, and in which, on the basis of the information in the CbC Report, one or more Constituent Entities of the MNE Group of the Reporting Entity are either resident for tax purposes, or are subject to tax with respect to the business carried out through a permanent establishment.

2. Notwithstanding the previous paragraph, the Competent Authorities of the Jurisdictions that have indicated that they are to be listed as non-reciprocal jurisdictions on the basis of their notification pursuant to paragraph 1 b) of Section 8 will send CbC Reports pursuant to paragraph 1, but will not receive CbC Reports under this Agreement. Competent Authorities of Jurisdictions that are not listed as non-reciprocal Jurisdictions will both send and receive the information specified in paragraph 1. Competent Authorities will, however, not send such information to Competent Authorities of the Jurisdictions included in the aforementioned list of non-reciprocal Jurisdictions.

SECTION 3

Time and Manner of Exchange of Information

1. For the purposes of the exchange of information in Section 2, the currency of the amounts contained in the CbC Report will be specified.
2. With respect to paragraph 1 of Section 2, a CbC Report is first to be exchanged, with respect to the fiscal year of the MNE Group commencing on or after the date indicated by the Competent Authority in the notification pursuant to paragraph 1a) of Section 8, as soon as possible and no later than 18 months after the last day of that fiscal year. Notwithstanding the foregoing, a CbC Report is only required to be exchanged, if both Competent Authorities have this Agreement in effect and their respective Jurisdictions have in effect legislation that requires the filing of CbC Reports with respect to the fiscal year to which the CbC Report relates and that is consistent with the scope of exchange provided for in Section 2.
3. Subject to paragraph 2, the CbC Report is to be exchanged as soon as possible and no later than 15 months after the last day of the fiscal year of the MNE Group to which the CbC Report relates.
4. The Competent Authorities will automatically exchange the CbC Reports through a common schema in Extensible Markup Language.
5. The Competent Authorities will work towards and agree on one or more methods for electronic data transmission, including encryption standards, with a view to maximising standardisation and minimising complexities and costs and will notify the Co-ordinating Body Secretariat of such standardised transmission and encryption methods.

SECTION 4

Collaboration on Compliance and Enforcement

A Competent Authority will notify the other Competent Authority when the first-mentioned Competent Authority has reason to believe, with respect to a Reporting Entity that is resident for tax purposes in the jurisdiction of the other Competent Authority, that an error may have led to incorrect or incomplete information reporting or that there is non-compliance of a Reporting Entity with respect to its obligation to file a CbC Report. The notified Competent Authority will take appropriate measures available under its domestic law to address the errors or non-compliance described in the notice.

SECTION 5

Confidentiality, Data Safeguards and Appropriate Use

1. All information exchanged is subject to the confidentiality rules and other safeguards provided for in the Convention, including the provisions limiting the use of the information exchanged.
2. In addition to the restrictions in paragraph 1, the use of the information will be further limited to the permissible uses described in this paragraph. In particular, information received by means of the CbC Report will be used for assessing high-level transfer pricing, base erosion and profit shifting related risks, and, where appropriate, for economic and statistical analysis. The information will not be used as a substitute for a detailed transfer pricing analysis of individual transactions and prices based on a full functional analysis and a full comparability analysis. It is acknowledged that information in the CbC Report on its own does not constitute conclusive evidence that transfer prices are or are not appropriate and, consequently, transfer pricing adjustments will not be based on the CbC Report. Inappropriate adjustments in contravention of this paragraph made by local tax administrations will be conceded in any competent authority proceedings. Notwithstanding the above, there is no prohibition on using the CbC Report data as a basis for making further enquiries into the MNE Group's transfer pricing arrangements or into other tax matters in the course of a

tax audit and, as a result, appropriate adjustments to the taxable income of a Constituent Entity may be made.

3. To the extent permitted under applicable law, a Competent Authority will notify the Co-ordinating Body Secretariat immediately of any cases of non-compliance with paragraphs 1 and 2 of this Section, including any remedial actions, as well as any measures taken in respect of non-compliance with the above-mentioned paragraphs. The Co-ordinating Body Secretariat will notify all Competent Authorities with respect to which this is an Agreement in effect with the first mentioned Competent Authority.

SECTION 6

Consultations

1. In case an adjustment of the taxable income of a Constituent Entity, as a result of further enquiries based on the data in the CbC Report, leads to undesirable economic outcomes, including if such cases arise for a specific business, the Competent Authorities of the Jurisdictions in which the affected Constituent Entities are resident shall consult each other and discuss with the aim of resolving the case.

2. If any difficulties in the implementation or interpretation of this Agreement arise, a Competent Authority may request consultations with one or more of the Competent Authorities to develop appropriate measures to ensure that this Agreement is fulfilled. In particular, a Competent Authority shall consult with the other Competent Authority, before the first-mentioned Competent Authority determines that there is a systemic failure to exchange CbC Reports with the other Competent Authority. Where the first mentioned Competent Authority makes such a determination it shall notify the Co-ordinating Body Secretariat which, after having informed the other Competent Authority concerned, will notify all Competent Authorities. To the extent permitted by applicable law, either Competent Authority may, and if it so wishes through the Co-ordinating Body Secretariat, involve other

Competent Authorities that have this Agreement in effect with a view to finding an acceptable resolution to the issue.

3. The Competent Authority that requested the consultations pursuant to paragraph 2 shall ensure, as appropriate, that the Co-ordinating Body Secretariat is notified of any conclusions that were reached and measures that were developed, including the absence of such conclusions or measures, and the Co-ordinating Body Secretariat will notify all Competent Authorities, even those that did not participate in the consultations, of any such conclusions or measures. Taxpayer-specific information, including information that would reveal the identity of the taxpayer involved, is not to be furnished.

SECTION 7

Amendments

This Agreement may be amended by consensus by written agreement of all of the Competent Authorities that have the Agreement in effect. Unless otherwise agreed upon, such an amendment is effective on the first day of the month following the expiration of a period of one month after the date of the last signature of such written agreement.

SECTION 8

Term of Agreement

1. A Competent Authority must provide, at the time of signature of this Agreement or as soon as possible thereafter, a notification to the Co-ordinating Body Secretariat:

- a) that its Jurisdiction has the necessary laws in place to require Reporting Entities to file a CbC Report and that its Jurisdiction will require the filing of CbC Reports with respect to fiscal years of Reporting Entities commencing on or after the date set out in the notification;
- b) specifying whether the Jurisdiction is to be included in the list of non-reciprocal Jurisdictions;

- c) specifying one or more methods for electronic data transmission including encryption;
- d) that it has in place the necessary legal framework and infrastructure to ensure the required confidentiality and data safeguards standards in accordance with Article 22 of the Convention and paragraph 1 and Section 5 of this Agreement, as well as the appropriate use of the information in the CbC Reports as described in paragraph 2 of Section 5 of this Agreement, and attaching the completed confidentiality and data safeguard questionnaire attached as Annex to this Agreement; and
- e) that includes (i) a list of the Jurisdictions of the Competent Authorities with respect to which it intends to have this Agreement in effect, following national legislative procedures for entry into force (if any) or (ii) a declaration by the Competent Authority that it intends to have this Agreement in effect with all other Competent Authorities that provide a notification under paragraph 1(e) of Section 8.

Competent Authorities must notify the Co-ordinating Body Secretariat, promptly, of any subsequent change to be made to any of the above-mentioned content of the notification.

2. This Agreement will come into effect between two Competent Authorities on the later of the following dates: (i) the date on which the second of the two Competent Authorities has provided notification to the Co-ordinating Body Secretariat under paragraph 1 that includes the other Competent Authority's Jurisdiction pursuant to subparagraph 1e) and (ii) the date on which the Convention has entered into force and is in effect for both Jurisdictions.

3. The Co-ordinating Body Secretariat will maintain a list that will be published on the OECD website of the Competent Authorities that have signed the Agreement and between which Competent Authorities this is an Agreement in effect. In addition, the Co-ordinating Body Secretariat will publish the information provided by Competent Authorities pursuant to subparagraphs 1(a) and (b) on the OECD website.

4. The information provided pursuant to subparagraphs 1(c) through (e) will be made available to other signatories upon request in writing to the Co-ordinating Body Secretariat.

5. A Competent Authority may temporarily suspend the exchange of information under this Agreement by giving notice in writing to another Competent Authority that it has determined that there is or has been significant non-compliance by the second-mentioned Competent Authority with this Agreement. Before making such a determination, the first-mentioned Competent Authority shall consult with the other Competent Authority. For the purposes of this paragraph, significant non-compliance means non-compliance with paragraphs 1 and 2 of Section 5 and paragraph 1 of Section 6 of this Agreement and/or the corresponding provisions of the Convention, as well as a failure by the Competent Authority to provide timely or adequate information as required under this Agreement. A suspension will have immediate effect and will last until the second-mentioned Competent Authority establishes in a manner acceptable to both Competent Authorities that there has been no significant non-compliance or that the second-mentioned Competent Authority has adopted relevant measures that address the significant non-compliance. To the extent permitted by applicable law, either Competent Authority may, and if it so wishes through the Co-ordinating Body Secretariat, involve other Competent Authorities that have this Agreement in effect with a view to finding an acceptable resolution to the issue.

6. A Competent Authority may terminate its participation in this Agreement, or with respect to a particular Competent Authority, by giving notice of termination in writing to the Co-ordinating Body Secretariat. Such termination will become effective on the first day of the month following the expiration of a period of 12 months after the date of the notice of termination. In the event of termination, all information previously received under this Agreement will remain confidential and subject to the terms of the Convention.

SECTION 9

Co-ordinating Body Secretariat

Unless otherwise provided for in the Agreement, the Co-ordinating Body Secretariat will notify all Competent Authorities of any notifications that it has received under this Agreement and will provide a notice to all signatories of the Agreement when a new Competent Authority signs the Agreement.

Done in English and French, both texts being equally authentic.

ANNEX B:
LIST OF COMPETENT AUTHORITIES

[to be completed]

ANNEX C:
QUESTIONNAIRES

[to be completed]

Made 18 December 2016

[LHDN.01/10.5-1/68.3-45; Perb.0.6869/47(SJ.16)(SK1); PN(PU2)80/LXXXV]

DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI
Second Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 132B(2) of the Income Tax Act 1967]